




MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ; SAHKAH JUMAATKU



ISLAMIC SALVAGEUR OBEDIENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor



"SAHKAH JUMAATKU".1

| | |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---|
| <p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِذَا نُودِيَ لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعَوْا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ وَذَرُوا الْبَيْعَ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ</p> | 2 |
| <p>﴿٩﴾</p> | |
| <p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى ءَالِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p> | 3 |
| <p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p> | 4 |
| <p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p> | |
| <p>Marilah kita meningkatkan ketakwaan kehadiran Allah SWT dengan menunaikan segala perintah-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya, semoga kita beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.</p> | 5 |
| <p>Khatib ingin mengajak para jemaah sekalian untuk sama-sama menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk "SAHKAH JUMAATKU?"</p> | 6 |



Hari Jumaat merupakan hari yang mulia di sisi umat Islam. Ini kerana terdapat banyak hadis yang menceritakan tentang kelebihan yang ada padanya. Antaranya adalah;

Abu Hurairah Radiallahuanhu meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda;

الصَّلَاةُ الْخَمْسُ، وَالْجُمُعَةُ إِلَى الْجُمُعَةِ كَفَّارَةٌ لِمَا بَيْنَهُنَّ، مَا لَمْ تُغْشِ الْكِبَائِرُ

7

*"Solat lima waktu, Jumaat kepada Jumaat berikutnya merupakan kaffarah (penghapus dosa) di antara keduanya selagimana tidak melakukan dosa besar."
(Riwayat Muslim).*

8

Imam al-Nawawi menyatakan setiap amalan yang dilakukan sepanjang minggu antara Jumaat hingga Jumaat berikutnya sebagaimana dinyatakan dalam hadis tersebut boleh menghapuskan dosa-dosa kecil. Sekiranya tidak terdapat dosa kecil atau besar maka akan dicatat baginya kebaikan dan diangkat darjatnya. Sekiranya terdapat dosa besar dan tidak terdapat dosa kecil, mudah-mudahan perkara tersebut dapat meringankan dosa besar yang dilakukan.

9

Menghadiri solat Jumaat merupakan salah satu tuntutan syarak kepada setiap lelaki beragama Islam yang mukallaf. Ini berdasarkan ayat 9 dalam Surah Al-Jumua yang disebut pada mukaddimah khutbah ini bermaksud:

"Wahai orang-orang yang beriman apabila diserukan azan untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang Jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu), yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya)."

10



Maka dapat difahami bahawa menghadiri dan mendirikan kewajipan solat Jumaat merupakan sifat seorang mukmin sebenarnya kerana mendahulukan tanggungjawab sebagai hamba kepada Allah SWT mengatasi sebarang kepentingan duniawi seperti urusan berjual beli ketika waktunya. Oleh kerana hari Jumaat adalah hari yang terbaik, penghulu segala hari, maka kita digalakkan membuat persiapan terbaik untuknya dengan memperbanyakkan selawat ke atas Nabi SAW.

11

Abdullah bin 'Amr Radiallahuanhu meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

فَإِنَّهُ مَنْ صَلَّى عَلَيَّ صَلَاةً صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ بِهَا عَشْرًا

12

"Sesungguhnya sesiapa yang berselawat ke atasku dengan satu selawat, maka Allah SWT akan berselawat ke atasnya dengan sepuluh selawat."

(Riwayat Muslim).

13

Selain itu juga kita digalakkan untuk memperbanyakkan berdoa, mandi sunat Jumaat, datang awal ke masjid dengan niat iktikaf, berzikir, membaca al-Quran, bersedekah dan melakukan ibadah-ibadah yang lain. Pentingnya kewajipan solat Jumaat sehingga Nabi SAW pernah bersabda.

14

Ini berdasarkan sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu al-Ja'd al-Dhamri (sebahagian menyatakan Al-Dhumairi) Radiallahuanhu beliau berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ تَرَكَ ثَلَاثَ جُمُعٍ تَهَاوُنًا بِهَا طَبَعَ اللَّهُ عَلَى قَلْبِهِ

15



"Sesiapa yang meninggalkan tiga kali solat Jumaat kerana mengambil mudah akannya, nescaya Allah akan mengunci jantung hatinya."

16

(Riwayat Abu Daud).

Dalam kesempatan ini, khatib ingin berkongsi pengalaman perkara-perkara yang dilakukan oleh ahli masyarakat yang menghadiri solat Jumaat sehingga dibimbangi boleh mengurangkan atau menghilangkan pahala Jumaat, antaranya adalah sikap segelintir remaja yang menonton filem di saluran youtube dan berwhatsapp ketika khatib sedang berkhotbah, bermain game online, ada juga petugas-petugas Jumaat masjid yang sibuk mengarahkan jamaah memenuhi saf atau mengarahkan kanak-kanak diam dan jangan bermain ketika mana khatib sedang menyampaikan khutbah dan ada juga terdapat pihak masjid yang mengarahkan kanak-kanak memungut derma dengan membawa uncang ketika bacaan khutbah sedang berlangsung. Bahkan seringkali kita lihat sebahagian jamaah yang datang lewat ke masjid namun tidak terus masuk ke dalam masjid sebaliknya duduk di atas motorsikal atau tidur di dalam kereta, sebahagiannya juga masih duduk di bawah pokok berborak dan menghisap rokok tanpa ada rasa bersalah atau satu kerugian.

17

Perkara ini amat mengecewakan dan tidak sepatutnya berlaku. Abu Hurairah Radiallahuanhu meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

إِذَا قُلْتَ لِصَاحِبِكَ يَوْمَ الْجُمُعَةِ: أَنْصِتْ، وَالْإِمَامُ يَخْطُبُ، فَقَدْ لَغَوْتَ

18



"Sekalipun kamu menyatakan kepada sahabatmu pada hari Jumaat; Diam! dan ketika itu imam sedang berkhutbah, maka sesungguhnya kamu telah lagha (melakukan perkara yang sia-sia)."

19

(Riwayat al-Bukhari).

Berdasarkan hadis yang lain, Abu Hurairah Radiallahuanhu meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

وَمَنْ مَسَّ الْحَصَى فَقَدْ لَغَا

20

"Sesiapa yang memegang (bermain) batu maka sesungguhnya dia telah lagha."

(Riwayat Muslim).

Makna lagha adalah perbuatan atau percakapan yang sia-sia atau tidak ada faedah. Imam Ibn Rejab al-Hanbali mengatakan bahawa di dalam hadis ini, Nabi SAW telah memberitahu kepada kita bahawa sekalipun memerintahkan kepada seseorang agar diam ketika khutbah disampaikan adalah perkara yang lagha (sia-sia) walaupun hal itu termasuk di dalam menyeru kepada kebaikan dan mencegah kepada kemungkarannya. Ini termasuklah berzikir menggunakan biji tasbeeh kerana menghilangkan tumpuan terhadap penyampaian khutbah.

21

Kedapatan juga segelintir jamaah yang sengaja lewat-lewatkan hadir ke masjid pada hari Jumaat. Sedangkan perbuatan lewat menghadiri solat Jumaat sehingga ketinggalan mendengar khutbah Jumaat adalah dilarang kerana ia menyalahi arahan Allah SWT di dalam al-Quran. Walaupun solat Jumaatnya adalah sah, namun perbuatan dengan sengaja meninggalkan kehadiran mendengar khutbah Jumaat adalah dikira berdosa.



Marilah sama-sama kita menginsafi untuk hadir awal ke masjid khususnya pada hari Jumaat, pada awal waktu semampu yang mungkin kerana fadilatnya yang amat besar. Abu Hurairah Radiallahuanhu meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Sesiapa yang mandi pada hari Jumaat (seperti) mandi janabah lalu segera pergi ke masjid, maka seakan-akan berkorban dengan unta, sesiapa yang pergi pada masa yang kedua, maka seakan-akan dia berkorban dengan lembu, dan sesiapa pergi pada masa yang ketiga, maka seakan-akan dia berkorban dengan biri-biri jantan yang bertanduk,

22

dan sesiapa yang pergi pada masa yang keempat seakan-akan dia berkorban dengan seekor ayam, dan sesiapa yang pergi pada masa kelima, maka seakan-akan dia berkorban dengan sebiji telur dan apabila imam telah keluar (untuk berkhotbah) maka para malaikat turut hadir untuk mendengar peringatan (khutbah)."
(Riwayat al-Bukhari).

23

Khatib mengharapkan setelah kita mendengar isi khutbah pada hari ini, kita bersikap terbuka dan memperbaiki kesilapan-kesilapan yang berlaku sepanjang menghadiri solat Jumaat, khususnya kepada lelaki yang mukallaf. Tuntutlah ilmu dan belajarlah memahami adab dan kepentingan menghadiri solat Jumaat agar solat Jumaat kita benar-benar berkualiti, bermanfaat dan isi-isi khutbah dapat dihayati dengan sepenuhnya.

24



Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil pengajarannya untuk dijadikan sebagai panduan dalam hidup kita. Antaranya adalah:

1. Kita hendaklah meyakini bahawa solat fardhu Jumaat adalah satu kewajipan dan berdosa meninggalkannya dengan sengaja.
2. Kita hendaklah berusaha memastikan solat Jumaat yang dihadiri setiap minggu adalah terbaik, bermanfaat dan memperoleh pahala.
3. Kita hendaklah berusaha memastikan diri terhindar daripada melakukan perkara-perkara yang tidak bermanfaat dan sia-sia hingga boleh menyebabkan hilang pahala Jumaat.

25

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
فَإِذَا قُضِيَتِ الصَّلَاةُ فَانْتَشِرُوا فِي الْأَرْضِ وَابْتَغُوا مِنْ فَضْلِ اللَّهِ وَاذْكُرُوا
اللَّهَ كَثِيرًا لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿١٠﴾

26

"Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing) dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat)."

(Surah al-Jumuah: 10).

27

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ

31



KHUTBAH KEDUA

| | |
|---|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1 | الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، |
| 2 | وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. |
| 3 | أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. |
| 4 | Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat. |
| 5 | إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾ |
| 6 | اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. |
| 7 | اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. |
| 8 | اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ. |
| 9 | اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَائِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، |



| | |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| <p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.</p> | 10 |
| <p>اللَّهُمَّ اِيْمِ الْعُوْنِ وَالْهِدَايَةِ وَالتَّوْفِيْقِ، وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاطُورِ، تَعَكُّوْ اَمِيْرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،</p> | 11 |
| <p>فِي اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنَّاكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.</p> | 12 |
| <p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p> | 16 |
| <p>Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah.</p> | 17 |



| | |
|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----|
| <p>Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.</p> | 18 |
| <p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِطُفِّكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p> | 19 |
| <p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.</p> | 20 |
| <p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p> | 21 |
| <p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلِذِكْرِ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p> | 22 |